

28/09/2003

Lima '03 bukan sekadar pesona aerobatik

Wan Jailani Razak

BUMI Langkawi bakal menjadi hiruk pikuk dan bingit di angkasa apabila pelbagai pesawat canggih menyertai pertunjukan udara sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03) yang bermula Selasa ini hingga 5 Oktober depan.

Selain 103 pesawat, sebanyak 114 kapal dari dalam dan luar negara akan menyertai pameran kali ini. Dari pesawat F18F Super Hornet dan F16 C/D dari Amerika Syarikat, Sukoi SU 30 MK dan Be 200 dari Russia, Hawk MK1 dari Britain serta jet pengebom F111 dari Australia, pelbagai pesawat kecil lain turut dipamerkan di Pulau legenda itu.

Sehingga kini, 25 negara sudah mengesahkan penyertaan bagi segmen aeroangkasa, membabitkan 86 pesawat dengan luas kawasan pameran 18,000 meter padu sudah ditempah.

Bagi segmen maritim pula, 16 kapal perang dari Perancis, Australia, Korea Selatan, Bangladesh, Arab Saudi, Pakistan, India, Sri Lanka, Thailand dan Singapura dijadual mengambil bahagian. Keadaan di Langkawi ketika itu tidak ubah seperti perkampungan tentera kerana semua kelengkapan pertahanan ada di pulau ini.

Matlamat Lima `03 iaitu edisi ketujuh pameran ini adalah untuk membangunkan industri aeroangkasa dan maritim negara menerusi pembabitan rakyat dan sektor swasta.

Bagi rakyat tempatan di luar Langkawi, tentunya mereka sudah menetapkan cuti dan menempah tiket penerbangan serta penginapan untuk menyaksikan pertunjukan aeroangkasa dan maritim terulung di rantau Asia Tenggara itu.

Malah, pengusaha feri di Kuah juga sudah memberi jaminan untuk menambah kekerapan perjalanan feri, termasuk melanjutkan perkhidmatan sehingga jam 12 tengah malam sebagai persediaan menghadapi peningkatan pelancong domestik.

Perkhidmatan tambahan itu disediakan kerana kebanyakan hotel dan pusat peranginan di Langkawi sudah habis ditempah sejak awal tahun ini dan mereka terpaksa berulang-alik dari tanah besar.

Selain itu, AirAsia Sdn Bhd (AirAsia) dan Penerbangan Malaysia (MAS) juga mengumumkan perkhidmatan penerbangan tambahan ke Langkawi bagi memenuhi permintaan pengunjung Lima '03 sepanjang tempoh berkenaan.

Berdasarkan aliran kemasukan pelancong Lima sebelum ini, kira-kira 100,000 rakyat tempatan dan asing bakal bertumpu di Langkawi setiap hari sepanjang Lima dengan kebanyakan mereka tertumpu di tapak pameran aeroangkasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL).

Jumlah itu tidak termasuk pengunjung yang menyaksikan pertunjukan udara dari luar tapak pameran dengan berada di tempat strategik seperti di atas bukit dan tepi landasan LTAL. Selain segmen aeroangkasa anjuran LE Proton Lima Sdn Bhd (LE Proton) di LTAL, tapak pameran maritim anjuran HW Lima Sdn Bhd di Tanjung Malai juga turut mendapat sambutan hebat daripada pengunjung dalam dan luar negara.

Mereka pastinya tidak mahu melepaskan peluang menyaksikan kehebatan pasukan aerobatik popular Britain, Red Arrows yang akan melakukan formasi mendebarkan di udara menggunakan pesawat Hawk selepas menarik diri daripada menyertai Lima dua tahun lalu.

Dalam pada itu, pengunjung tidak perlu bimbang dengan keselamatan mereka berikutan jaminan yang diberikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai ketika melakukan lawatan ke tapak pameran, baru-baru ini.

Pada perasmian Lima `03 di LTAL itu, Red Arrows dan juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan mengadakan pertunjukan udara khas di depan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat kali terakhir hadir sebagai Perdana Menteri. Pada masa sama, pengunjung juga boleh menyaksikan

kehebatan 200 penerjun daripada 10 Briged Para Komando melakukan terjunan.

Sembilan pesawat Bae Hawk MK1 akan diterbangkan Red Arrows manakala juruterbang TUDM menerbangkan 12 pesawat MIG 29N, FA 18D dan F5E. Pertunjukan akan diadakan setiap hari dan dua hari terakhir dibuka kepada orang awam.

Lebih menarik, buat pertama kali Karnival Cocktail Maritim Antarabangsa akan turut diadakan di segmen maritim membabitkan 10 tukang masak luar negara yang mempersembahkan masakan tradisional masing-masing.

Lima `03 juga dijangka menempa sejarah dengan penyertaan sulung China menerusi China Civil Aviation (Contra), syarikat penerbangan awam negara itu.

Malah, Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa) mengadakan pameran angkasa lepas dalam usaha memupuk minat pelajar. LE Proton juga bekerjasama dengan Kumpulan Industri-Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi Malaysia (Might) untuk menjadikan Malaysia pusat mengawal selia, membaiki dan baik pulih teknologi aeroangkasa.

Justeru, Lima bukan sekadar pesona aerobatik. Sebaliknya, apa yang lebih penting ialah matlamatnya sebagai pemangkin membangunkan industri aeroangkasa dan maritim negara seiring wawasan mewujudkan industri aeroangkasa berwibawa menjelang 2015.

Selain menjadi medan pertemuan syarikat pembuat dan pengeluar pesawat serta kapal perang terancang dunia, pameran dwitahunan itu sebenarnya membuka ruang perniagaan dan kerjasama meluas kepada negara, terutama di kalangan pengimport dan pengguna peralatan berkenaan di rantau Asia